

AKAUN e-DEPOSIT TETAP HONG LEONG

Terma & Syarat

Dikemaskini pada 6 September 2018

Terma dan syarat ini hendaklah dibaca secara keseluruhan bersama dengan [Terma dan Syarat Am Akaun bagi Deposit](#), dan mana-mana terma dan syarat berkaitan yang mungkin dikenakan oleh Hong Leong Bank Berhad (“HLB”) dari semasa ke semasa dengan memberi notis awal.

1. Akaun e-Deposit Tetap (“Akaun eFD”) adalah akaun deposit tetap yang membenarkan pembukaan, perletakan dan pengeluaran Akaun yang akan dilaksanakan secara dalam talian melalui Perkhidmatan Perbankan Digital (“Hong Leong Connect”).

KELAYAKAN

2. Akaun eFD terbuka kepada individu yang merupakan pemegang Akaun Semasa atau Simpanan Konvensional Hong Leong (“CASA”) dan telah mendaftar untuk Hong Leong Connect. Akaun eFD tidak tersedia untuk CASA bersama.
3. Sebarang Empunya Tunggal, Perkongsian, Badan Profesional, Kelab, Pertubuhan, Persatuan, Sekolah, Perbadanan, Organisasi Tidak Berasaskan Keuntungan dan entiti perniagaan yang lain **tidak** layak membuka atau mengendalikan Akaun eFD.

PEMBUKAAN AKAUN

4. Akaun eFD hanya boleh dibuka oleh Pelanggan melalui Hong Leong Connect dan Akaun eFD akan dikaitkan kepada CASA di mana perletakan deposit tetap dalam talian pertama dibuat (“CASA Diperuntukkan”).
5. Perletakan gandaan eFD ke dalam Akaun eFD adalah dibenarkan. Walau bagaimanapun, perletakan hanya boleh dibuat dari pukul 6.00 pagi sehingga pukul 11.00 malam melalui Hong Leong Connect, tujuh (7) hari seminggu, atau pada waktu seperti yang ditetapkan oleh HLB di Hong Leong Connect.
6. Perletakan eFD boleh dibuat dari CASA lain kepunyaan pelanggan dengan HLB (“Sumber CASA”) yang bukan CASA Diperuntukkan, atau melalui pemindahan dana dari bank lain melalui Financial Process Exchange (“FPX”).
7. Perletakan bagi setiap eFD adalah untuk tempoh satu (1) bulan atau sehingga dua belas (12) bulan atau sebarang tempoh lain dan pada sebarang [kadar faedah](#) yang ditentukan oleh HLB pada bila-bila masa.
8. Pelanggan hendaklah meletakkan deposit minimum **Ringgit Malaysia Lima Ribu (RM5,000)** untuk eFD dengan tempoh satu (1) bulan atau **Ringgit Malaysia Lima Ratus (RM500)** untuk eFD dengan tempoh dua (2) bulan atau lebih untuk setiap perletakan bagi setiap pelanggan.
9. Akaun deposit maksimum ialah **Ringgit Malaysia Dua Ratus Lima Puluh Ribu (RM250,000)** bagi setiap transaksi. Untuk perletakan melalui pemindahan FPX, akaun deposit maksimum ialah Ringgit Malaysia Tiga Puluh Ribu (RM30,000) bagi setiap transaksi atau had Perbankan Internet individu Pelanggan yang dikekalkan dengan bank berkenaan, mengikut mana yang lebih rendah.
10. Pemprosesan perletakan eFD mungkin mengambil masa sehingga dua (2) Hari Kerja. Tarikh efektif eFD akan bermula selepas penempatan berjaya disempurnakan di mana Resit Transaksi Hong Leong Connect yang mengandungi butiran urus niaga penempatan eFD, akan dijana dan diemel kepada pelanggan. Resit Transaksi Hong Leong Connect adalah bukti konklusif mengenai transaksi penempatan eFD yang Berjaya. Tiada resit Deposit Tetap akan dikeluarkan kepada Pelanggan. HLB tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kelewatan, pembatalan, kerugian kewangan dan lain-lain disebabkan oleh kelewatan pemprosesan.
11. Transaksi dalam Akaun eFD juga akan ditampilkkan di dalam penyata akaun Sumber CASA.
12. Semua eFD tidak boleh digunakan sebagai cagaran untuk diberikan kepada Pelanggan atau mana-mana pihak ketiga (ke-3) yang lain.

FAEDAH

13. Faedah yang diperolehi daripada eFD akan dikreditkan ke dalam Sumber CASA dan / atau CASA Diperuntukkan pada setiap bulan atau ditambah kepada amaun pokok eFD apabila matang, sebagaimana yang dipilih oleh pelanggan semasa penempatan eFD.

Pengeluaran Pramatang (berkuatkuasa 27 September 2018 hingga 31 Disember 2018)

14. Jika eFD dikeluarkan, sebahagian atau keseluruhan, sebelum tarikh matang maka peraturan berikut akan diguna pakai:
 - (a) Faedah tidak akan dibayar untuk:-
 - (i) mana-mana peletakan deposit selama tempoh satu (1), dua (2) atau tiga (3) bulan yang tidak memenuhi tempoh yang penuh;
 - (ii) mana-mana eFD lain yang dikeluarkan sebelum genap tiga (3) bulan;
 - (b) Mana-mana keadaan lain yang tidak ditetapkan dalam Fasal 14 (a) di atas, faedah akan dibayar bagi eFD yang dikeluarkan sebelum matang dan akan menerima separuh (1/2) kadar faedah asal yang dikontrakkan pada setiap bulan yang lengkap.

HLB berhak untuk mengubah peraturan-peraturan yang dinyatakan dalam Fasal 14 (a) dan (b) pada bila-bila masa atau dari semasa ke semasa dengan memberi notis awal.

Pengeluaran Pramatang (berkuatkuasa 1 Januari 2019)

15. Tiada faedah akan dibayar bagi amaun pengeluaran sebahagian dan pengeluaran pramatang eFD berkuatkuasa daripada 1 Januari 2019 dan seterusnya, tanpa mengira bilangan bulan yang telah lengkap pada masa pengeluaran pramatang.

PENGELUARAN

16. Pengeluaran eFD hanya boleh dilakukan melalui Hong Leong Connect dan pengeluaran sebahagian mana-mana eFD adalah tidak dibenarkan.
17. Semasa pengeluaran eFD, amaun pokok eFD dan faedah yang diperolehi ke atasnya (jika ada), akan dikreditkan secara automatik ke dalam Sumber CASA dan / atau CASA Diperuntukkan, seperti yang dipilih oleh pelanggan semasa perletakan eFD.

Pengeluaran Sebahagian (berkuatkuasa 27 September 2018)

18. Berkuatkuasa daripada 27 September 2018, pengeluaran sebahagian dalam gandaan Ringgit Malaysia Satu Ribu (RM1,000) adalah dibenarkan sepanjang tempoh eFD, tertakluk kepada baki minimum Ringgit Malaysia Lima Ribu (RM5,000) sahaja, dikekalkan dalam eFD sehingga tarikh matang eFD. HLB berhak meminda nilai atau kuantum pengeluaran dan / atau baki minimum untuk dikekalkan di bawahnya pada bila-bila masa dengan memberi notis awal kepada Pelanggan.
19. Faedah dibayar atas amaun pengeluaran sebahagian menurut Fasal 14 di atas sehingga 31 Disember 2018 manakala faedah pada kadar ditetapkan akan terus dibayar atas baki yang masih ada dalam eFD dengan syarat eFD itu dikekalkan hingga tarikh matang.
20. Pengeluaran sebahagian eFD bagi baki kurang daripada Ringgit Malaysia Lima Ribu (RM5,000) ke bawah adalah tidak dibenarkan. Pengeluaran eFD sedemikian akan dianggap pengeluaran pramatang seluruh eFD menurut Fasal 14 di atas ini.

PEMBAHARUAN

21. Pelanggan hendaklah memilih arahan pembaharuan semasa perletakan setiap eFD melalui Hong Leong Connect.
22. Jika ruang 'Auto Renewal' yang dipilih adalah 'Yes', perletakan akan diperbaharui secara automatik untuk tempoh yang sama pada faedah semasa pada tarikh pembaharuan bagi eFD yang matang.

23. Jika ruang 'Auto Renewal' yang dipilih adalah 'No', perletakan tidak akan diperbaharui secara automatik dan akan dikreditkan secara automatik ke dalam Sumber CASA dan / atau CASA Diperuntukkan pada tarikh matang eFD yang berkaitan.

UMUM

24. HLB berhak pada bila-bila masa dengan memberi notis awal dua puluh satu (21) hari kalendar untuk menambah, menggugurkan, menggantung atau mengubah terma dan syarat yang terkandung di sini, sama ada keseluruhan atau sebahagiannya menurut budi bicara HLB dengan menyiarkannya dalam laman web HLB di www.hlb.com.my ("Laman Web HLB"), atau dengan apa-apa cara yang dianggap sesuai oleh HLB. Pelanggan bersetuju untuk mengakses Laman Web HLB dari semasa ke semasa untuk menyemak Terma dan Syarat dan sentiasa mengikuti perubahan atau pindaan kepada terma dan syarat.
25. Jika terdapat percanggahan antara terma dan syarat dengan [Terma dan Syarat Am Akaun bagi Deposit](#), maka terma dan syarat ini akan diterima pakai.
26. Terma & Syarat ini tertakluk kepada dan ditafsirkan selaras dengan undang-undang Malaysia dan Pelanggan bersetuju untuk akur kepada bidang kuasa Mahkamah-mahkamah di Malaysia.

Layak dilindungi oleh PIDM